

**Negara Tidak Akan Mufliis Menjelang Tahun 2020, Kata Nor Mohamed Bernama  
29 Januari, 2012**

BUTTERWORTH, 29 Jan (Bernama) -- Dakwaan pembangkang bahawa negara akan mufliis menjelang tahun 2019 hanya mainan politik dan cubaan untuk menakut-nakutkan rakyat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Bagaimanapun, beliau berkata perkara itu tidak sedikit pun memberi kesan kepada rakyat memandangkan kadar perbelanjaan domestik negara menunjukkan peningkatan setiap tahun.

"Kalau rakyat khuatir dengan kerajaan mereka tidak akan berbelanja. Tetapi sebaliknya berlaku. Setiap tahun perbelanjaan domestik meningkat. Rakyat tidak takut untuk berbelanja kerana mereka tahu negara sentiasa maju," katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Parlimen Tasek Gelugor di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan pelbagai pihak terutama pembangkang bahawa Malaysia akan mufliis menjelang tahun 2019 dan menggesa rakyat supaya menukar kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada pembangkang.

Dakwaan itu dibuat berdasarkan pendedahan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bahawa nisbah hutang kerajaan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat setiap tahun sehingga 2012.

Nor Mohamed yang juga Anggota Parlimen Tasek Gelugor berkata tidak timbul isu negara akan mufliis kerana sejak Malaysia merdeka taraf hidup rakyat semakin meningkat.

"Sejak merdeka kita boleh lihat pendapatan rakyat meningkat dari tahun ke tahun, kalau dulu mereka hidup miskin sekarang pendapatan mereka berada pada tahap berpendapatan pertengahan.

"Pendapatan rakyat juga tinggal satu tahap lagi untuk mencapai taraf negara maju dan saya yakin kita akan memperoleh jumlah pendapatan sebanyak US\$15,000 menjelang 2020. Jadi, tidak timbul isu negara akan mufliis," katanya.

Beliau berkata kerajaan sedang dan akan menjalankan pelbagai strategi bagi meningkatkan lagi taraf hidup rakyat dan ekonomi negara melalui program tranformasi negara antaranya Rancangan Malaysia Ke-10, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Luar Bandar.

Katanya, dakwaan pembangkang itu juga tidak berdasarkan fakta sebaliknya satu tuduhan terhadap BN.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642758>